

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

Kosmetik ada racun berjadual

PUTRAJAYA – Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan (KKM) menggesa orang awam untuk tidak membeli dan menggunakan produk kosmetik FS Turmeric Cream kerana dikesan mengandungi racun berjadual merkuri dan betamethasone 17-valerate.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, notifikasi produk kosmetik tersebut dibatalkan oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi KKM serta tidak lagi dibenarkan untuk dijual di negara ini.

“Betamethasone 17-Valerate boleh menyebabkan bahagian kulit muka yang disapu menjadi nipis dan mudah mengalami iritasi, berjerawat, perubahan pada pigmentasi kulit dan meningkatkan risiko untuk diserap ke dalam sistem peredaran darah yang boleh membawa kesan mudarat.

“Merkuri pula dilarang di dalam produk kosmetik kerana boleh memudaratkan kesiha-

Nama Produk: 1. FS Turmeric Cream



PRODUK FS Turmeric Cream yang dilarang penjualannya kerana mengandungi racun berjadual.

tan. Ia boleh diserap masuk ke dalam badan dan menyebabkan kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf,” katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Ujarnya, produk itu boleh mengganggu perkembangan otak kanak-kanak kecil atau yang belum dilahirkan, malah merkuri boleh menyebabkan ruam, iritasi dan perubahan lain pada kulit.